

Ruj. Kami: JANM.PRK.600-1/1/1 (31)
Tarikh : 07 Januari 2026

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab,

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PERIBADI BAGI TUJUAN PENGIRAAN
POTONGAN CUKAI BULANAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dilampirkan Borang Mengemaskini Maklumat Peribadi seperti di Lampiran A bagi mengemaskini status pegawai. Borang ini perlu dilengkapkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/YBrs. Dr./ Tuan/ Puan untuk **perubahan status pegawai** seperti berikut:

- 2.1 perubahan status perkahwinan, status anak, tuntutan pelepasan individu kelainan upaya, anak yang telah mencapai umur 18 tahun dan menuntut di IPT; dan
- 2.2 tidak terhad untuk dikemaskini sekali sahaja dalam perkhidmatan tetapi ia perlu dikemaskini semula jika terdapat perubahan seperti contoh tuntutan bilangan anak kerana perubahan status perkahwinan.

3. Sehubungan dengan itu, PTJ adalah diminta menyediakan Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) dan Borang Lampiran A yang telah dikemaskini oleh pegawai bagi tujuan dokumentasi dan pengauditan pada masa akan datang dan membuat tindakan input ke sistem iGFMAS:HCM di IT0198 – Scheduler Deduction Tax (Sty 01). Sila rujuk Manual Latihan HCM -1002 bagi tindakan ini.

4. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dalam memastikan pemakluman ini dipanjangkan kepada semua pegawai di PTJ supaya maklumat peribadi untuk pengiraan potongan PCB pegawai adalah betul dan tepat. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Gaji untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**